

06/09/1998

Anwar batal hasrat ke Pulau Pinang

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dilucutkan daripada jawatan Kabinet Rabu lalu, membatalkan hasratnya ke Pulau Pinang semalam, kerana ada urusan yang belum selesai.

Tanpa menjelaskan apa urusan berkenaan Anwar berkata, pembatalan itu juga tidak mempunyai kaitan dengan larangan polis.

"Polis tidak memberitahu mengenai tahanan rumah dan mereka juga tidak meminta saya datang ke mana-mana balai polis," katanya kepada pemberita di kediamannya semalam.

Kediaman Anwar di Bukit Damansara terus dikunjungi dan orang ramai diberi peluang menonton rakaman ucapan pada malam beliau dilucutkan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno yang diadakan keesokannya, sebulat suara memecatnya daripada menganggotai parti berkenaan.

Mengenai hasrat menjelajah ke seluruh negara bagi memberi penjelasan mengenai kedudukannya, Anwar berkata, beliau belum menetapkan tarikh.

Menurutnya, sebarang pergerakan (menjelajah) akan menambah lagi tuduhan terhadapnya.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor dalam sidang akhbar semalam berkata, polis mempunyai bukti yang menunjukkan Anwar cuba mempengaruhi siasatan yang dijalankan terhadap empat laporan polis berhubung buku 50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM.

Menurut Rahim, polis juga menerima empat laporan yang mendakwa kononnya Anwar cuba campur tangan dalam penyiasatan berkenaan.

Anwar berkata, beliau sentiasa memberi kerjasama kepada polis tetapi selepas kenyataannya mengenai jangan ada pihak menggunakan instrumen kerajaan untuk politik, barulah timbul keretakan dengan polis.

"Itu tidak bermakna saya tidak memberi kerjasama. Saya sebut jangan ganggu tugas dan urusan polis. Saya tahu ada (polis) yang jalan tugas dan ada yang kurang bijaksana.

Ketika ditanya adakah beliau berhasrat berjumpa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Anwar berkata:

"Untuk apa ... saya rindu PM kerana jumpa setiap hari (ketika dalam Kabinet). Kirim salam dekat dia, saya suka dia."

Mengenai ujian DNA untuk membuktikan kesahihan anak yang didakwa dalam buku itu, Anwar berkata peguamnya menasihati beliau supaya tidak membuat ujian itu kerana bukan membabitkan tuntutan terhadapnya.

Katanya, memadai Setiausaha Sulitnya, Azmin Ali, isterinya dan anaknya membuat ujian DNA untuk memastikan anak itu adalah anak mereka.

Dalam sidang akhbar lain, Anwar berkata, beliau bersedia melakukan ujian DNA jika perlu untuk membuktikan tuduhan sebelum ini palsu dan berniat jahat.

Anwar juga menafikan beliau menuduh polis terbabit dalam konspirasi itu sebaliknya menegaskan konspirasi yang dimaksudkannya adalah konspirasi politik.

"Bukan konspirasi polis tetapi konspirasi politik," katanya.

Ditanya mengenai tindakannya mempersoalkan sistem di negara ini yang pernah didokongnya ketika masih menjawat Timbalan Perdana Menteri, Anwar berkata, beliau tidak mempertikaikan sistem itu sebaliknya mahu mempertahankannya.

Menurutnya beberapa sistem termasuk sistem perundangan di negara ini diancam unsur politik.

"Contohnya ada beberapa hakim yang dikatakan cenderung kepada saya ditukarkan. Sepengetahuan saya, dua hakim sudah ditukarkan," katanya.
(END)